



## KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA (JPJ)

---

### PELAKSANAAN LOG MASUK TUNGGAL (SINGLE SIGN-ON) MYJPJ MENGUNAKAN MYDIGITAL ID BERKUAT KUASA 1 MEI 2026

**PUTRAJAYA** - Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) akan melaksanakan sepenuhnya sistem **log masuk tunggal (*Single Sign-On*)** bagi **Aplikasi Pintar MyJPJ** menggunakan **MyDigital ID** berkuat kuasa mulai **1 Mei 2026**. Pelaksanaan ini merupakan sebahagian daripada **inisiatif pendigitalan perkhidmatan awam** yang bertujuan **memperkuh tahap keselamatan siber, meningkatkan kecekapan sistem penyampaian serta memudahkan akses pengguna** kepada pelbagai perkhidmatan JPJ melalui **satu identiti digital yang sah dan diiktiraf**.

Melalui pendekatan ini, pengguna hanya perlu menggunakan **MyDigital ID sebagai kaedah pengesahan utama** untuk mengakses Aplikasi MyJPJ, sekali gus **mengurangkan kebergantungan kepada pelbagai maklumat log masuk** serta **meminimumkan risiko keselamatan data**.

**Aplikasi Pintar MyJPJ** merupakan platform bersepadu yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada orang awam termasuk semakan dan **pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM), Lesen Kenderaan Motor (LKM), semakan saman** serta **akses kepada perkhidmatan berkaitan JPJ** secara dalam talian. Sehingga kini, aplikasi ini telah merekodkan **melebihi 14 juta pengguna**.

Versi baharu aplikasi ini turut dipertingkatkan dengan pelbagai ciri tambahan seperti **integrasi MyDigital ID**, **fungsi mod tetamu (*guest mode*)** tanpa log masuk, **chatbot pintar beroperasi 24 jam**, serta integrasi **JPJeBid** dan **JPJeQ** dalam satu platform tunggal.

Sehubungan dengan itu, **semua pengguna MyJPJ yang berumur 12 tahun ke atas** adalah **digalakkan untuk mendaftar dan mengaktifkan MyDigital ID** selaras dengan pelaksanaan penuh sistem ini. Bagi pengguna **pemegang MyPR**, kaedah **log masuk sedia ada** akan terus disediakan melalui saluran alternatif yang ditetapkan.

Pelaksanaan log masuk tunggal ini mencerminkan komitmen berterusan JPJ dalam **memperkasa transformasi digital jabatan** serta memastikan penyampaian perkhidmatan yang **lebih efisien, selamat dan mesra pengguna**.

**KETUA PENGARAH  
PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**29 APRIL 2026**

**[TAMAT]**